

# Mahathir ajak petani dapatkan teknologi moden

BALING 30 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak petani supaya mendapatkan teknologi moden dalam bidang pertanian yang diberikan percuma berbanding lain-lain negara.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia mempunyai banyak kepakaran dalam teknologi pertanian yang boleh diperolehi secara percuma untuk meningkatkan hasil pendapatan mereka.

“Di negara-negara lain, sekiranya petani atau penduduk luar bandar ingin mendapatkan teknologi pertanian mereka terpaksa membayar, tetapi di negara

kita diberikan secara percuma sahaja,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Projek Pembangunan Industri Kopi Bersepadu di Ladang Kupang, di sini hari ini.

Projek itu dilaksanakan oleh GADEK (Malaysia Berhad) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Kedah.

Menurut Perdana Menteri, antara kepakaran yang boleh diperolehi oleh penduduk di Daerah Baling sekarang ialah mengenai penanaman kopi secara sistematik yang boleh diberikan oleh GADEK sendiri.

Katanya, syarikat itu bukan saja bersedia memberi-

kan pelbagai aspek teknologi penanaman kopi malah disediakan pemasarannya tetapi mutu pengeluaran kopi itu hendaklah berkualiti.

Beliau berkata, inilah peluang keemasan bagi penduduk Baling dalam usaha untuk menambah hasil pendapatan dengan menggunakan tanah-tanah yang masih kosong, yang terdapat di sekeliling rumah.

Dr. Mahathir berharap hasil usaha yang gigih kalangan rakyat termasuk bidang pertanian akan melahirkan penduduk yang serba maju yang tidak lagi berada dalam kemiskinan.